

TEKS ALUAN

Y.BHG. PROF. DATUK WIRA DR RAHA ABDUL RAHIM

NAIB CANSOLOR UTeM

PENGANJURAN MINGGU SAINS NEGARA 2020 PERINGKAT NEGERI MELAKA

10/09/2020, 11.30 PAGI

AUDITORIUM CANSOLOR UTeM

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis,
(RUJUK ROSTRUM UNTUK SALUTATION TERKINI)

Yang Berhormat Datuk Noor Effandi bin Ahmad

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknik dan Vokasional,
Sains dan Inovasi Negeri Melaka, mewakili Yang Amat
Berhormat Ketua Menteri Melaka

Yang Berbahagia Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir

Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
mewakili Yang Berhormat Menteri Sains Teknologi dan Inovasi.

Pegawai-Pegawai Kanan UTeM, MOSTI, MYSA, wakil-wakil Institusi Pengajian Tinggi, Jabatan Pendidikan Negeri Melaka, Sekolah-Sekolah, Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi, hadirin dan hadirat sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, saya merafa'kan setinggi-tinggi kersyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya pada pagi yang indah ini, kita dapat bersama-sama hadir menjayakan Majlis Perasmian Minggu Sains Negara 2020 Peringkat Negeri Melaka.

Lenggang si dara di tepi titi,
Turun ke sawah tampi jerami;
Sudah lama kami menanti,
Kehadiran Tuan Puan ke Kampus kami.

2. Bagi pihak UTeM, saya amat mengalu-alukan kehadiran **Yang Berhormat Datuk Noor Effandi bin Ahmad dan Yang Berbahagia Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir** ke UTeM pada pagi ini. Terima kasih di atas kesudian hadir seterusnya merasmikan sambutan Minggu Sains Negara 2020 Peringkat Negeri Melaka ini.

3. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak MOSTI kerana sudi memilih UTeM sebagai rakan kerjasama strategik dan tuan rumah bagi majlis pelancaran kali ini.

4. Sebagai makluman Yang Berhormat dan Yang Berbahagia Datuk, UTeM dan MOSTI melalui Agensi Angkasa Malaysia atau MYSA telah memulakan perbincangan awal sejak dari awal tahun ini lagi bagi merancang majlis pelancaran dan aktiviti pengisian MSN Peringkat Negeri Melaka.
5. Berdasarkan perancangan awal, penganjuran program ini dicadangkan untuk diadakan secara berskala besar, selama tiga hari dengan sasaran pengunjung sejumlah lebih 50,000 orang.

6. Walau bagaimanapun, kita sekadar merancang, namun Allah jua yang menentukan. Perancangan ini tidak dapat direalisasikan, kerana impak dari penularan pandemik COVID-19 yang mengancam seluruh negara dan dunia.
7. Namun begitu, usaha murni ini masih perlu diteruskan, dengan pendekatan dan kaedah yang sedikit berbeza, namun masih mengekalkan entusiasme yang sama.
8. Setelah perbincangan dan persetujuan bersama dengan pihak MYSA, pelancaran MSN 2020 Peringkat Negeri

Melaka pada hari ini dianjurkan dengan skala yang lebih sederhana di samping pelaksanaan aktiviti secara maya atau secara atas talian mengikut SOP yang ditetapkan oleh MKN dan KKM.

9. Dalam tempoh PKPP yang berterusan sehingga 31 Disember 2020, UTeM sentiasa mengambil langkah pencegahan serta mematuhi segala arahan dalam penganjuran segala bentuk program di dalam Kampus.

10. Usaha ini diharapkan dapat terus memupuk dan menarik minat orang ramai terutamanya dikalangan para pelajar dalam bidang Sains, Teknologi dan Inovasi.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

11. Pendidikan Sains, Teknologi, dan Inovasi atau STI yang cenderung kepada pendidikan berasaskan bidang STEM merupakan inisiatif yang diberi perhatian khusus oleh Kerajaan dalam memenuhi hasrat, untuk melahirkan lebih ramai generasi muda, yang berkemahiran dalam bidang sains, teknologi dan inovasi.

12. Pendekatan STEM mampu menjadikan sumber manusia sebagai penggerak teknokrat, berkemahiran tinggi, kreatif dan inovatif sesuai dengan hasrat Negara untuk mencapai status negara maju terutamanya di dalam dekad berteraskan Revolusi Industri 4.0.
13. Selain daripada itu, saya percaya menerusi pendidikan berteraskan STEM ini juga akan dapat menarik minat generasi muda masa kini yang majoritinya terdiri dari kalangan Generasi Y; yang diakui merupakan golongan yang agresif, cerdas IT, kreatif dan inovatif.

14. Secara tidak langsung, pembudayaan Sains, Teknologi dan Inovasi telah merubah proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik dan interaktif menerusi pendekatan dan kaedah pembelajaran yang berpusatkan pelajar, berasaskan projek, aktiviti yang multi-displin dan pembelajaran melalui kaedah inkuiri serta penyelesaian masalah.

15. Menerusi persekitaran yang jauh lebih bersemangat dan kondusif, para pelajar akan lebih mudah memahami dan menerima ilmu yang disampaikan oleh guru-guru.

16. Sebagai sebuah Universiti Teknikal yang bakal meraikan penubuhan dua dekad tidak lama lagi, UTeM amat menyokong pendekatan pendidikan berteraskan STEM yang perlu disemaikan bermula dari peringkat pra sekolah supaya generasi pewaris kepimpinan negara ini memperoleh pendedahan dan pengetahuan yang mencukupi dalam bidang ini.

17. Usaha murni ini haruslah diteruskan di masa hadapan kerana ia memberi manfaat kepada kita semua dalam melahirkan generasi berilmu dan masyarakat yang progresif, kreatif dan inovatif yang bukan sahaja memanfaatkan teknologi masa kini tetapi turut menjadi penyumbang kepada kemajuan peradaban sains dan teknologi di masa hadapan.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

18. Dalam merencanakan lagi kemeriahan penganjuran MSN 2020 Peringkat Negeri Melaka tahun ini, pelbagai program dan aktiviti secara maya telah diatur oleh penganjur dengan kerjasama pelbagai agensi sepanjang Minggu Sains Negara peringkat Negeri Melaka ini berlangsung, antaranya:

- Program pertandingan mereka cipta model stesen satelit bumi untuk pelajar sekolah rendah dan satelit untuk pelajar sekolah menengah;

- Space education content for students aged 7-12 years old (primary school) in English medium,
- Pertandingan Astrofoto, Home Science Activity and Experiment, Smart Tani for Kids, Fun Coding: Scratch Game Design with Visual Coding, Make A YouTube Channel: Animation and Storytelling for STEM dan banyak lagi.

19. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengajak semua pelajar sama ada diperingkat rendah, menengah mahupun

15

tertiari untuk mengambil bahagian dalam aktiviti yang dianjurkan. Apa yang diharapkan agar para pelajar beroleh ilmu dan pendedahan baharu dan terus menanam minat yang lebih mendalam dalam bidang STEM.

20. Insya Allah, hasrat negara untuk melahirkan generasi yang cemerlang dan terbilang dalam bidang kritikal IR4.0 ini mampu tercapai, sekali gus dapat memenuhi keperluan tenaga mahir negara dalam bidang ini di masa akan datang.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

21. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan Minggu Sains Negara 2020 Peringkat Negeri Melaka khususnya kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan pihak Kerajaan Negeri Melaka.
22. Semoga kerjasama ini berterusan di kalangan kita dan ukhwah yang terbina lebih erat di masa akan datang.

Tepian biara pohon pulasan,

Pepohon manggis di atas papan,
Aspirasi negara mencapai wawasan,
Generasi Inovasi letaknya harapan.

Indah berkedip bintang kejora,
Cahaya tampak terangi maya,
STEM pemangkin kemajuan negara,
Transformasi bersama ke puncak jaya.

Sekian *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wrt.*
wbt. Terima kasih.